

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini bersama-sama dengan terma dan syarat yang berkaitan Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i (ECR-i) sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil produk ini. Sila dapatkan penjelasan daripada EXIM Bank mengenai mana-mana terma dan syarat produk tersebut jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini.)

Export-Import Bank of Malaysia Berhad
Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i



Tarikh: _____

(Untuk diisi oleh Pengurus Perhubungan)

1. Apakah produk ini?

Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i (ECR-i) menyediakan alternatif pembiayaan jangka pendek bagi pra- dan selepas penghantaran kepada pengeksport secara langsung/tidak langsung untuk menggalakkan eksport barangan pembuatan, produk pertanian dan komoditi utama yang 'Halal', melalui penyediaan kemudahan pembiayaan patuh Syariah.

Pra-penghantaran ECR-i ialah kemudahan yang memudahkan pengeluaran barangan yang layak untuk dieksport sebelum penghantaran serta menggalakkan hubungan di antara pengeksport dan pembekal tempatan dalam pembangunan industri.

Pasca-penghantaran ECR-i ialah kemudahan yang menghubungkan keperluan pembiayaan pengeksport daripada penghantaran kepada resit pembayaran bil eksport.

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Pra-penghantaran ECR-i

Konsep yang diguna pakai untuk membiayai pembelian bahan mentah dan kos sampingan lain antara pengeksport Malaysia dan Bank-bank ECR-i, hendaklah menjadi 'Murabahah (kos tambah keuntungan) diikuti dengan tawarruq antara EXIM Bank dan ECR-i Bank untuk pembiayaan semula bil.

- **Murabahah:**
Murabahah adalah transaksi kos tambah keuntungan di mana penjual mendedahkan kos barangan yang dijual dan menjualnya kepada orang lain dengan menambah keuntungan yang dipersetujui bersama di atasnya yang boleh sama ada sekali gus atau melalui nisbah yang telah dipersetujui atau keuntungan yang akan dikenakan ke atas kos, sehingga mendapatkan harga yang ditetapkan.
- **Tawarruq:**
Tawarruq merujuk kepada penjualan komoditi / aset kepada pelanggan terhadap bayaran tertangguh dan penjualan komoditi oleh pelanggan kepada pihak lain untuk bayaran segera.

Pasca-penghantaran ECR-i

Urus niaga ini adalah diantara pengeksport, ECR-i Bank dan EXIM Bank dan konsep yang diguna pakai ialah konsep 'Tawarruq. Di bawah perjanjian ini, pengeksport, sebagai pemilik eksport, melantik ECR-i Bank sebagai ejen pemungut untuk mengutip bayaran daripada Bank pengimport.

- **Tawarruq**
Tawarruq merujuk kepada penjualan komoditi / aset kepada pelanggan terhadap bayaran tertangguh dan penjualan komoditi oleh pelanggan kepada pihak lain untuk bayaran segera.

3. Siapakah yang layak untuk produk?

Syarikat-syarikat yang ditubuhkan di Malaysia yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti eksport dan perdagangan antarabangsa adalah layak untuk kemudahan ECR-I tetapi tertakluk kepada syarat berikut:

- I. Input dan produk akhir untuk dieksport mesti "Halal".

- II. Produk yang tidak disenaraikan di bawah Jadual Pertama Perintah Duti Kastam (senarai barang-barang yang dilarang untuk dieksport).

4. Apakah kaedah bayaran balik?

Pra-penghantaran

- I. Pengeksport secara langsung:
 - Hasil eksport; atau
 - Hasil selepas penghantaran
- II. Pengeksport secara tidak langsung:
 - Hasil daripada pengeksport secara langsung

Pasca-penghantaran

Keatas:-

- Resit hasil eksport; atau
- Kematangan bil selepas penghantaran yang mana lebih awal

5. Apakah kemudahan yang ditawarkan?

Pra-penghantaran

- Berdasarkan pesanan
 - Pengeksport secara langsung: margin pembiayaan sehingga 95% ke atas nilai pesanan eksport
 - Pengeksport secara tidak langsung: sehingga 95% dari Surat Kredit Domestik ECR-i (DLC), Pesanan Pembelian Domestik (DPO) atau Pesanan Pembelian Tempatan (LPO)
- Perakuan Prestasi (CP)
 - Pengeksport secara langsung (Perkilangan & Perdagangan) – 100% daripada nilai eksport bagi 12 bulan sebelumnya
 - Pengeksport secara tidak langsung (Perkilangan & Perdagangan)- 80% daripada nilai eksport bagi 12 bulan sebelumnya

Tempoh maksimum sehingga 120 hari

Pasca-penghantaran

Margin pembiayaan sehingga 100% daripada nilai bil eksport. Tertakluk pada ketersediaan had kredit ECR-i dengan bank perdagangan dan had pentadbiran EXIM Bank

Tempoh maksimum sehingga 183 hari

6. Apakah kaedah pembayaran untuk produk ini?

Pembayaran dibuat kepada Bank ECR-i

7. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

a) Duti Setem

Sesuai dengan Akta Duti Setem 1949 (Disemak 1989)

Nota : Semua yuran dan caj tertakluk kepada Cukai Barangan dan Perkhidmatan (CBP).

Sila minta daripada Pengurus Perhubungan anda untuk piawai caj Bank ke atas Produk dan Perkhidmatan dan rujuk kepada Garis panduan terbaru ECR-i EXIM Bank untuk yuran dan caj terperinci . Jika terdapat sebarang perubahan pada yuran dan caj yang akan dikenakan kepada kemudahan pembiayaan, Bank akan memberitahu anda sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan.

8. Apakah kadar yang ditawarkan ke atas produk?

Kadar keuntungan ditetapkan oleh pihak Bank.

9. Bagaimana jika saya menyelesaikan baki pembiayaan sepenuhnya sebelum tarikh matang ?

Bank hendaklah memberikan rebat (Ibra') ke atas keuntungan bagi:

- a) Penyelesaian awal Harga Jualan Bank; dan
- b) Penyelesaian awal kerana penstrukturan semula, kemungkiran, penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum tarikh matang Harga Jualan Bank.

Rebat = Harga Belian Bank (Kos) X Kadar Keuntungan X Baki Hari/360 (matawang asing) 365 (bagi RM)

Nota: Rebate (Ibra') hendaklah diberikan bagi semua produk pembiayaan berasaskan jualan yang ditawarkan oleh EXIM Bank.

10. Apakah tindakan jika saya gagal menjalankan tanggungjawab saya?

Bank boleh mengenakan Ta'widh (ganti rugi) pada wang yang tertunggak, jika Pelanggan gagal untuk membayar apa-apa bayaran yang tertunggak kepada Bank seperti berikut:

- Pada 1% p.a. atas jumlah tertunggak dalam tempoh itu
AmaunAnsuran Tertunggak x 1% x Bilangan Hari Tertunggak / 365/366 hari; atau
- Pada kadar semasa Pasaran Wang Islam (IIMM) Bank ke atas baki jumlah asal untuk bayaran tertunggak pada dan selepas tarikh matang
Formula: (Baki Tertunggak x kadar IIMM x Bilangan Hari Tertunggak)/ 365/366 hari; atau
- Menggunakan kaedah lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)

11. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan mengenai butiran perhubungan saya?

- a) Adalah penting untuk anda memberitahu kami mengenai setiap perubahan butiran perhubungan anda bagi memastikan bahawa semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda pada waktu yang tepat.
- b) Untuk mengemaskinikan butir-butir hubungan anda, anda boleh memaklumkan kami melalui pelbagai saluran komunikasi seperti di laman web, di cawangan-cawangan atau di pusat panggilan pelanggan kami di 03-2601 2000.

12. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

Jika anda mempunyai sebarang aduan tentang produk atau tahap perkhidmatan kami, anda juga boleh menulis kepada kami di alamat berikut:

Ketua, Jabatan Komunikasi & Pengurusan Pihak Berkepentingan
Export-Import Bank of Malaysia Berhad
Level 1, EXIM Bank, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603-26012000
Fax: +603-26012469
Website: www.exim.com.my

Jika pertanyaan atau aduan Pelanggan tidak dapat diselesaikan dengan sepenuhnya oleh pihak Bank, Pelanggan boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465
Fax: +603-2174 1515
Email: bnmtelelink@bnm.gov.my

13. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Maklumat tambahan mengenai produk Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i boleh didapati di pejabat dan laman sesawang korporat kami: www.exim.com.my. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan sila hubungi kami di:-

EXPORT-IMPORT BANK OF MALAYSIA BERHAD
Level 1, EXIM Bank, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603-26012000
Fax: +603-26012469

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA GAGAL MEMBUAT PEMBAYARAN UNTUK KEMUDAHAN TERSEBUT DENGAN TETAP

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 31 March 2017.

Saya / Kami dengan ini mengesahkan telah menjelaskan Lembaran Pendedahan Produk (PDS) kepada pelanggan.

| | | | |
|--------------|---|----------------|---|
| Nama Pekerja | : | Nama Pelanggan | : |
| I/D Pekerja | : | Tarikh | : |
| Tarikh | : | | |